

BORANG 2

[Peraturan 8 dan 12]

PERISYTIHARAN IDENTITI

(Sila baca Arahan Kepada Pengundi sebelum melengkapkan borang ini)

No. Kertas Undi

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya telah menerima kertas undi yang bernombor seperti di atas dan sampul yang mengandungi kertas undi itu (keduaduanya saya kemukakan sekarang).

Nama pengundi (dengan huruf besar) :
Tandatangan pengundi/cap ibu jari :
No. Kad Pengenalan :

Orang yang tersebut di atas, yang saya kenal secara peribadi, telah mengemukakan kertas undi dan sampul yang tersebut di atas dan telah menandatangani perisytiharan di atas di hadapan saya.

Bertarikh

Tandatangan Saksi :
Nama penuh :
(Dalam huruf besar)
Alamat :
.....
No. Kad Pengenalan :

ARAHAN KEPADA PENGUNDI

[Peraturan 8 dan 12]

1. Sebelum menandakan kertas undi yang disertakan, anda mestilah mengemukakan Borang 2 kepada seseorang yang anda kenal yang akan mengakusaksikan yang berikut:
 - (a) Kertas undi yang menunjukkan nombor padanya;
 - (b) Borang 2; dan
 - (c) Sampul yang anda terima mengandungi Borang 2 dan kertas undi.
2. Anda mestilah menandatangani Borang 2 di hadapan saksi.
3. Anda boleh mengundi sekali sahaja dan hanya untuk SATU ORANG calon.
4. Anda mengundi dengan menandakan pada kertas undi di bahagian sebelah kanan dengan memangkah bersetentangan dengan nama calon yang anda undi, iaitu dengan tanda "X". Oleh sebab undi adalah rahsia, ini hendaklah dilakukan dengan penuh kerahsiaan.
5. Sebaik selepas mengundi, anda mestilah memasukkan kertas undi yang telah ditandakan itu ke dalam sampul kecil bertanda "A" dan menutupnya. Anda kemudiannya mestilah memasukkan sampul bertanda "A", berserta dengan Borang 2, ke dalam sampul yang lebih besar bertanda "B" yang dialamatkan kepada pegawai pengurus dan menghantarnya kepada pegawai pengurus tanpa berlengah-lengah. Kertas undi itu, supaya dapat dikira, mestilah diterima oleh pegawai pengurus tidak lewat daripada jam lima petang pada hari mengundi.
6. Jika secara tersilap anda menerima lebih daripada satu kertas undi, anda dikehendaki memusnahkan kertas undi yang nombornya tidak bersamaan dengan nombor yang ditandakan pada Borang 2. Ambil perhatian, bahawa adalah menyalahi undang-undang untuk mengundi lebih daripada sekali dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil yang sama.
7. Jika anda seorang pengundi pos, anda tidak boleh hadir mengundi pada hari mengundi.

Dibuat 29 Mei 2003

[SPR(S) 72/4(21); PN(PU²)178c/XXXIV]

Dengan Perintah Suruhanjaya Pilihan Raya

DATO' HAJI WAN AHMAD BIN WAN OMAR
SETIAUSAHA
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958]